

# Tamatkan segera isu Nanyang — PM

UM 20 JUN 2001

**K**UALA LUMPUR 19 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu kontroversi yang menyelubungi isu pembelian Nanyang Press Holdings Bhd. (Nanyang Press) oleh MCA ditamatkan dengan segera.

Perdana Menteri berkata, pandangannya itu telah disuarakannya ketika mengadakan perjumpaan dengan Presiden Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (NCCCIM), Tan Sri Lim Guan Teik pagi ini.

“Cadangan saya ialah amat mudah, saya tidak mahu sebarang kontroversi.

“Mereka kena cari jalan untuk menamatkan kontroversi ini, ia tidak perlu,” katanya kepada pemberita selepas majlis taklimat Presiden sebelum Perhimpunan Agung UM-

NO yang ke-55 yang diadakan di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas mengenai perjumpaan dengan Lim pagi ini yang dipercayai berkaitan cadangan satu konsortium yang diketuai oleh Presiden NCCCIM itu bagi membeli saham-saham Nanyang Press dari syarikat pelaburan MCA, Huaren Holdings Sdn. Bhd. (Huaren).

Konsortium yang terdiri dari lima individu itu menghantar kertas cadangan Jumaat lalu bagi mengambil alih semua 72 peratus kepentingan Nanyang Press yang dibeli oleh Huaren pada harga RM234.5 juta atau RM5.-60 sesaham.

Sebelum itu, Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik yang menjadi peneraju urus niaga tersebut menyatakan Huaren hanya akan melepas-

kan pegangannya itu jika ada pihak yang menawarkannya pada harga RM1 bilion.

Huaren membeli saham-saham tersebut pada harga RM230 juta atau RM5.50 sesaham.

## Terbuka

Kontroversi pembelian Nanyang Press timbul selepas sebahagian pemimpin kanan MCA termasuk Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek, Naib-naib presiden, Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Chan Kong Choy dan Ketua Pemuda, Datuk Ong Tee Kiat menentang-nya secara terbuka.

Mereka mendakwa pembelian Nanyang Press yang menerbitkan dua akhbar berbahasa Cina, *Nanyang Siang Pau* dan *China Press*, mendapat bantahan daripada seba-

hagian besar kaum Cina di negara ini.

Isu itu telah menimbulkan ketegangan dalam MCA sehingga pihak pentang dan pihak penyokong pembelian mengadakan dua ‘roadshow’ yang berlainan ke seluruh negara bagi memberi penerangan berdasarkan pandangan masing-masing.

Menurut Dr. Mahathir, perjumpaan dengan Presiden NCCCIM itu dibuat selepas Lim Guan Teik datang berjumpanya untuk mendapatkan pandangan berkenaan isu tersebut.

“Saya sudah berikan pandangan saya (dan) itu terpulang kepada dia (tapi) saya tak payahlah cerita apa pandangan saya,” kata Perdana Menteri.